

Mahathir mahu lebih banyak firma Malaysia ke pasar a-bangsa

Oleh JAMALUDDIN BAKAR

KUALA LUMPUR, Selasa— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Pusat Perdagangan Eksport diharap akan menjadi pendorong kepada perkembangan dan pertambahan eksport bagi barang-barang yang telah siap ke pasaran antarabangsa.

Berucap merasmikan Pusat tersebut di Wisma PKNS di sini hari ini, Timbalan Perdana Menteri menegaskan betapa perlunya lebih banyak lagi firma-firma di Malaysia tampil ke hadapan memasuki bidang pasaran antarabangsa dengan menggunakan peluang dan kemudahan yang sedia ada.

Katanya, adalah diharapkan usaha Kerajaan ini akan dapat meyakinkan lebih banyak lagi syarikat-syarikat tempatan berminat untuk membuat barang-barang perkilangan serta sedar terhadap pasaran yang luas di peringkat antarabangsa.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyeru agensi-agensi pengimport yang besar supaya mengkaji kemungkinan mendirikan kilang-kilang untuk membuat bahan-bahan tersebut bagi pasaran tempatan dan juga luar negeri.

Berganding bahu

"Kerajaan akan terus berusaha serta berganding bahu dengan pihak swasta untuk membantu pekilang-pekilang dan pengeksport-pengeksport Malaysia di dalam apa jua lapangan supaya pasaran dapat diperluaskan bukan sahaja di pasaran tradisi bahkan juga pasaran baru,"katanya.

Pusat Perdagangan Eksport itu akan menyediakan berbagai kemudahan termasuk Unit Maklumat Perdagangan, Unit Pameran dan Unit Daftar Pengeksport di samping mengadakan seminar dan bengkel-bengkel dari masa ke semasa.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, dalam tahun 1980 ini pusat tersebut akan mengadakan seminar-seminar mengenai Sistem Keutamaan Awam (G.S.P) bagi eksport ke Amerika Syarikat, Ascan dan Asia Barat.

Katanya, disebabkan kunci kepada kejayaan untuk menembusi pasaran luar negeri itu adalah tertumpu kepada usaha mendapatkan maklumat yang betul pada masa yang sesuai, pusat itu menubuhkan unit Maklumat Perdagangan yang moden dan cekap bagi melayan kehendak-kehendak masyarakat peniaga.

Katanya, unit itu akan mengadakan data-data mengenai pembeli-pembeli luar negeri serta tarif kastam dan juga sekatan-sekatan bukan tarif di pasaran luar negeri.

Ia juga akan menyediakan maklumat pasaran mengenai keluaran yang penting kepada Malaysia, data-data harga, perk-

hidmatan perkapalan, galakan eksport, perangkaan perdagangan, undang-undang makanan dan dadah, piwai-

Beliau menambah, pegawai-pegawai penerangan yang terlatih khas akan ditempatkan di pusat itu untuk membantu pelawat-pelawat yang datang ke Pusat itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir seterusnya menyeru semua ahli perniagaan di negara ini menggunakan kemudahan yang ada di Pusat tersebut, jika tidak setengah juta ringgit yang dilaburkan bagi penubuhan Pusat itu akan membazir sahaja.

Katanya, Unit Pameran pula adalah bertujuan memberi peluang kepada para pengeksport tempatan mempamerkan barang keluaran mereka dengan disusun sebegitu menarik kepada pembeli luar negeri, bakal pelabur, rombongan perdagangan dan ahli-ahli perindustrian yang datang ke negara ini.

Beliau berkata, setakat ini kira-kira 140 firma telah merebut peluang untuk mempamerkan barang mereka dan pameran-pameran akan terus dirancang mengikut giliran dan barang-barang pameran akan ditukar selepas beberapa bulan supaya sentiasa kelihatan menarik.

Barang-barang untuk dipamerkan di Pusat itu akan dipilih setelah diadakan rundingan dengan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia, Dewan-Dewan Perdagangan dan lain-lain pertubuhan yang ada kaitan dengan perdagangan luar negeri.

No. Siri 11, 22
No. Penerimaan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia